



PEMAJU DAN PEMILIK

PEMBANGUNAN yang lengkap dengan pelbagai kemudahan menjadi keutamaan orang muda.

CITA RASA ERA IR 4.0

Trend dipengaruhi media sosial terutama pembeli muda yang lebih gemar memilih hartanah kediaman tinggi

FOKUS

Oleh Dr Mohd Zairul Mohd Noor
rencana@hmetro.com.my

Kajian Khoo Darren, Goh Yen-Nee, Ting Mao-Seng pada 2019 mendapati trend pembelian akan datang terutama di era revolusi industri (IR 4.0) adalah

dipengaruhi media sosial.

Hasil kajian itu juga mendapati pada tahun mendatang trend pembeli muda yang lebih menggemari hartanah kediaman tinggi di atas lot komersial.

Ini juga bertepatan dengan kajian pasaran yang dijalankan Persatuan Pemasu Hartanah dan Perumahan Malaysia

Belia (REHDA Youth) yang menyatakan trend pembeli sudah berubah. Kebanyakan pembeli muda pula mahukan kediaman yang bertepatan dengan cita rasa mereka.

Malahan kajian Khoo dan rakan-rakannya itu mendapati trend media sosial yang menunjukkan cara hidup bandar terutama kepada golongan

muda eksekutif banyak dipengaruhi bagaimana kehidupan mereka dapat dipaparkan di alam maya.

Walaupun pandemik Covid-19 sedikit sebanyak mengganggu permintaan hartanah, namun tahun ini aktiviti pembelian masih berjalan lancar menurut Persatuan Pemasu Hartanah dan Perumahan Malaysia

(REHDA).

Trend pembinaan dalam kalangan pemasu swasta juga lebih kepada pembangunan bercampur yang membabitkan pembinaan rumah di zon komersial.

Di dalam pembangunan bercampur ini biasanya membabitkan projek perumahan, komersial, hiburan, rekreasi dan juga

komponen budaya.

Pembangunan bercampur ini membabitkan pembangunan transit (TOD) yang menawarkan pembangunan bertingkat dan lengkap dengan kemudahan terkini, berhampiran kawasan kerja dan memudahkan pengguna serta bakal pembeli.

> 44



TINGGAL di kediaman tinggi dengan persekitaran moden antara pilihan utama.